

23 SEP 2000

Mahathir-mesra

PENDUDUK KAMPUNG MAKAN SEMEJA DENGAN PERDANA MENTERI

BUTTERWORTH, 23 Sept (Bernama) -- Bagi seorang penduduk kampung di sini Haji Ahmad Zainol, kesempatan makan semeja bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan sesuatu yang tidak diduga.

Beliau dan empat orang lagi mendapat peluang itu pada majlis makan tengah hari Perdana Menteri bersama rakyat di Wisma Perwira, Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

"Mula-mula kekok juga tapi apabila tengok Dr Mahathir mesra, maka hilanglah kekok," kata Haji Ahmad pada Bernama selepas majlis itu.

Antara perkara yang diperbualkan ialah mengenai pertunjukan udara di pangkalan itu suatu masa dahulu dan cadangan diadakan mesyuarat peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi Umno secara serentak di tahun yang sama, kata Haji Ahmad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bagan Ajam.

Menurutnya, Dr Mahathir menerangkan bahawa pertunjukan udara tidak diadakan di pangkalan itu lagi kerana ia kurang sesuai disebabkan banyak pembangunan di kawasan itu.

Beliau berkata Dr Mahathir menjelaskan pertunjukan udara itu kini diadakan di Langkawi.

Haji Ahmad juga bertanyakan Perdana Menteri mengenai cadangan mesyuarat serentak Umno peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Menurutnya, Dr Mahathir menyatakan perkara itu sedang difikirkan.

Haji Ahmad berkata Perdana Menteri turut melahirkan kebimbangannya mengenai politik wang.

"Perdana Menteri kata masalah politik wang besar...kalau tidak ada, selamatlah kita," katanya.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut menghadiri majlis itu dan makan semeja dengan orang ramai.

Pada majlis itu, Dr Mahathir membuat kopi tarik sambil diperhatikan oleh orang ramai. Turut menyertai membuat kopi tarik itu ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

-- BERNAMA

JM AZZ RI